

**PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA*  
**SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN**  
*EDUCATIONAL OPERATION SECTOR*  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA*  
**Aras 4, Blok E2, Kompleks E**  
*LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE*  
**62604 PUTRAJAYA**  
**MALAYSIA**



Tel : 03-8884 9000  
Faks : 03-8884 9315  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPMSP.100-1/7/2 (94)  
Tarikh : 30 September 2016

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA***  
***BILANGAN 14 TAHUN 2016***

**LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN AWAL BAGI MENJAMIN KESIHATAN  
DAN KESELAMATAN MURID DARIPADA JANGKITAN ZIKA DI SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius penyakit bawaan nyamuk yang mengancam kesihatan dan keselamatan murid sekolah di negara ini. Penyakit ini disebabkan oleh sejenis virus, iaitu virus Zika. Virus Zika disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes, iaitu nyamuk yang sama menyebarkan demam Denggi.

2. Surat siaran ini bertujuan mengingatkan pihak bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pengetua dan guru besar untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan tindakan awal yang sewajarnya bagi menyekat pembiakan nyamuk Aedes untuk mengelakkan jangkitan virus Zika dan Denggi di sekolah KPM.

3. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil langkah pencegahan bagi memastikan kawasan sekolah bebas nyamuk Aedes dengan mengambil tindakan berikut;

3.1 Memastikan kebersihan sekolah diberikan penekanan dengan mematuhi arahan dalam buku:

i. Panduan Aktiviti Amalan Kebersihan Sekolah; dan

ii. Panduan Pengurusan Pendidikan Pencegahan Denggi Di Sekolah.

(Kedua-dua buku panduan ini telah diedarkan ke sekolah dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia)

- 3.2 Melibatkan penyertaan semua warga sekolah, PIBG, masyarakat setempat dan pelbagai agensi lain dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kebersihan dan keselamatan sekolah;
- 3.3 Mematuhi saranan dan cadangan yang terkandung dalam surat siaran, surat pekeliling ikhtisas dan buku panduan yang disediakan berkaitan penyakit bawaan nyamuk;
- 3.4 Pihak bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pentadbir sekolah hendaklah memantau secara berterusan dan meneliti situasi dan kesihatan warga sekolah; dan
- 3.5 Merujuk kes-kes yang disyaki Zika kepada klinik kesihatan yang berhampiran.


4. Bersama-sama ini disertakan Nota Peringatan Berkaitan Virus Zika daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dibaca dan sebagai peringatan serta pendedahan kepada semua warga sekolah tentang langkah terbaik untuk mencegah jangkitan virus Zika.

5. YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.:
1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
  3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
  4. Ketua Setiausaha  
Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
  9. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
  10. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# **NOTA PERINGATAN BERKAITAN VIRUS ZIKA**

## **CEGAH JANGKITAN VIRUS ZIKA**

### **VIRUS ZIKA**

Pada masa ini terdapat satu lagi penyakit bawaan nyamuk yang sedang mengancam kesihatan rakyat negara kita. Penyakit ini disebabkan oleh sejenis virus, iaitu virus Zika. Virus Zika disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes iaitu nyamuk yang sama menyebarkan demam Denggi.

### **TANDA DAN GEJALA JANGKITAN VIRUS ZIKA**

- Demam
- Ruam
- Sakit sendi dan otot
- Sakit kepala
- Mata kemerahan
- Kelesuan

### **RAWATAN**

- Tiada ubat khusus untuk merawat pesakit yang dijangkiti virus Zika
- Tiada vaksin pencegahan

### **LANGKAH BAGI MENCEGAH JANGKITAN VIRUS ZIKA**

Menyekat pembiakan nyamuk Aedes adalah langkah terbaik untuk mengelakkan jangkitan virus Zika dan Denggi. Setiap murid dan warga sekolah perlu bertindak segera:

- Cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekolah dan di rumah;
- Pastikan persekitaran yang bersih tanpa sampah sarap;
- Elakkan daripada gigitan nyamuk dengan:
  - Menggunakan repelen/bahan penghalau nyamuk atau aerosol;
  - Memakai baju berlengan panjang dan berseluar panjang yang berwarna cerah;

- Tidur dalam kelambu;
- Pasang jejaring pada tingkap dan pintu rumah; dan
- Elakkan aktiviti luar pada waktu puncak nyamuk Aedes menggigit iaitu di antara 5.00 pagi hingga 8.00 pagi dan 5.00 petang hingga 8.00 malam.

**NASIHAT KEPADA MURID YANG INGIN MENGUNJUNGI NEGARA TERJEJAS DENGAN VIRUS ZIKA**

- Elakkan perjalanan ke negara-negara dijangkiti virus Zika ([www.who.int/emergencies/zika-virus/situation-report/](http://www.who.int/emergencies/zika-virus/situation-report/));
- Jika terpaksa pergi, ambil langkah-langkah bagi mengelakkan daripada digigit nyamuk seperti:
  - Menggunakan repelen/bahan penghalau nyamuk atau aerosol;
  - Memakai baju berlengan panjang dan berseluar panjang yang berwarna cerah; dan
  - Tidur dalam kelambu.
- Jika mengalami tanda dan gejala Zika dalam tempoh tujuh hari selepas pulang dari negara-negara yang terdapat jangkitan virus Zika, segera mendapatkan rawatan di kemudahan kesihatan berhampiran.

**TIADA AEDES, TIADA ZIKA, TIADA DENGGI**